

R CB 19-08 00149 BB950

Bah

Mahathir (Embargo: Untuk siaran selepas 9.30 malam ini)

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menyeru pekerja Malaysia supaya tidak menuntut kenaikan upah secara membuta-tuli.

Katanya, kenaikan upah hanya bermakna jika ia tidak menyebabkan kenaikan harga dan ini boleh berlaku jika produktiviti meningkat lebih tinggi daripada kenaikan upah.

+Kerajaan Malaysia sekarang tidak kurang simpatinya kepada pekerja tetapi kerajaan mesti mengambil-kira keseluruhan ekonomi negara,+ katanya pada majlis makan malam sempena ulangtahun ke-25 Public Bank di sini.

Beliau berkata strategi kerajaan ialah menambah peluang pekerjaan sebanyak mungkin sehingga bilangan pekerja hampir tidak mencukupi dan ini akan menyebabkan majikan berlumba-lumba untuk mendapatkan pekerja dengan menawarkan upah yang lebih tinggi...

+Ini sudah pun berlaku sekarang,+ tambah beliau.

Katanya, mogok atau ugutan untuk mogok bukanlah caranya untuk menambah pendapatan pekerja. -- Lagi

♥19/08/20-42MST

R CB 19-08 00135 BB951

Bah

Mahathir 2 Kuala Lumpur

+Memang benar pekerja boleh mengugut untuk merosakkan sesuatu perniagaan jika mereka tidak memperolehi apa yang dituntut. Tetapi perniagaan yang sudah rosak tidak mudah dipulihkan dan pekerja juga yang akan rugi.+

+Mogok bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah dan cara itu telah terbukti boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara. Jika ekonomi hancur, pendapatan pekerja juga akan hancur,+ tegas beliau.

Katanya, dunia sekarang memilih rundingan dan tolak ansur untuk menyelesaikan masalah dan tiada siapa yang boleh menafikan bahawa ia adalah cara terbaik.

+Jika rundingan tidak berhasil maka jalan yang baik ialah +arbitration+ (timbangtara) oleh pihak tertentu dan keputusannya mesti diterima oleh kedua-dua pihak,+ tambah beliau.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, pengadil juga mesti adil dan mengambil-kira masa depan perniagaan. -- Lagi

♥19/08/20-45MST

R CB 19-08 00095 BB952

Bah

Mahathir 3 Kuala Lumpur

Katanya, pengadil yang hanya memikirkan berkenaan dengan hak, bersimpati dengan pekerja dan membuat keputusan yang akhirnya akan menyebabkan kos naik dan inflasi berleluasa sebenarnya tidak menyelesaikan masalah.

Tambah beliau, kenaikan sara hidup akan membawa tuntutan lagi dan kenaikan inflasi yang tidak dapat dikawal di sesetengah negara adalah disebabkan orang politik yang ingin popular dan simpati tidak bertempat oleh orang-orang tertentu.

Oleh itu, Perdana Menteri menyeru semua pihak supaya mengelakkan diri daripada sebarang tindakan yang boleh menjejaskan pembangunan negara. -- Bernama

♥19/08/20-47MST